



**IKLAN PENGAMBILAN
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP)
DI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA, KUALA LUMPUR.**

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi segera kekosongan bagi jawatan **PERSONEL MySTEP** seperti berikut:-

Bil	Jawatan	Kelayakan	Bil. Kekosongan	Penempatan	Kadar Upah
1.	Pegawai Tadbir	Ijazah Sarjana Muda/ Setaraf dengannya	2	Bahagian Pendaftaran dan Pembangunan Profesionalisme	RM 2,100.00
Tempoh kontrak					
3 Bulan					
Kemudahan					
Cuti Rehat, Cuti Sakit, Perlindungan Perubatan, Caruman KWSP dan PERKESO					

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan kepada hr@mmc.gov.my dengan tajuk emel "**PERMOHONAN JAWATAN PERSONEL MySTEP MPM (BPPP)**" sebelum atau pada **3 Jun 2024 (Isnin)**. Calon hendaklah mengemukakan dokumen berikut:

- Resume bergambar terkini dalam bentuk pdf.
- Salinan Kad Pengenalan berpaling.
- Salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda yang telah disahkan.
- Salinan Sijil Diploma/STPM/Matrikulasi atau kelayakan setaraf yang disahkan.
- Salinan Sijil SPM

*Permohonan haruslah menggunakan tajuk seperti yang dinyatakan.

*Hanya calon yang layak akan disenarai pendek dan akan dipanggil untuk sesi temu duga.

SKOP KERJA

- i. Menguruskan mesyuarat dan menjalankan tugas-tugas arahan mesyuarat;
- ii. Menyediakan draf minit mesyuarat
- iii. Menyediakan surat-surat keputusan dan makluman berkenaan mesyuarat yang telah diputuskan oleh Mesyuarat.
- iv. Menguruskan bengkel yang dirancang berkaitan MER/EPR.
- v. Melaksanakan tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah/Ketua Unit dari semasa ke semasa.

SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi jawatan di atas harus memiliki kelayakan berikut:

- a) **Warganegara Malaysia;**
- b) Berumur **tidak kurang daripada 23 tahun** dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan: dan
- c) i. **Ijazah Sarjana Muda Perundangan/Sarjana Muda Sastera/Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional/Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik yang diiktiraf oleh kerajaan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
ii. **Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang berkaitan dan diiktiraf oleh kerajaan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) **Memiliki Kepujian Tinggi (sekurang-kurangnya Gred B) dalam subjek Bahasa Melayu dan subjek Bahasa Inggeris pada peringkat SPM** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- e) Mempunyai **kemahiran menguruskan majlis/mesyuarat rasmi/bengkel** dan mempunyai **kemahiran menulis, interpersonal dan berkomunikasi yang baik dan fasih dalam Bahasa Inggeris,**
- f) Mampu untuk bekerja secara individu atau berkumpulan serta bersedia untuk bekerja di lapangan atau luar kawasan sekiranya diarahkan dari semasa ke semasa.
- g) Mempunyai **kemahiran dalam menggunakan perisian Microsoft Office/CapCut/Canva/Indesign** dan sebagainya.
- h) Bersedia dan mampu untuk melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- i) Seorang yang positif, bermotivasi, berdisiplin, berkerja secara berkumpulan dan boleh melaksanakan tugas dengan arahan yang minimum oleh ketua jabatan.